

UEM Edgenta Melaporkan Pertumbuhan Untung Bersih Teguh 16.2% dan Mencapai Sasaran Kontrak Setahun Penuh FY2023 sepanjang Sembilan Bulan

KUALA LUMPUR, 28 November – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, mengumumkan peningkatan 16.2% dalam keuntungan bersih kepada RM28.6 juta dalam tempoh sembilan bulan, berakhir 30 September 2023 dengan hasil yang lebih tinggi sebanyak RM2.07 bilion (RM1.81 bilion 9M FY2022), menerusi daya tahan dan keupayaan untuk memperbaharui dan memperoleh kontrak baharu dari pelanggan sedia ada serta pelanggan baharu dan pasaran pertumbuhan.

Dalam mengumumkan keputusan kewangan yang belum diaudit sepanjang tempoh sembilan bulan, UEM Edgenta melaporkan pertumbuhan hasil sebanyak 14.2% kepada RM2.07 bilion (RM1.81 bilion 9MFY2022) melalui penyelesaian yang dipacu teknologi yang dipertingkatkan, dan penyampaian perkhidmatan berkualiti tinggi, menghasilkan pengekalan pelanggan yang kukuh. Buku pesanan semasa syarikat kini berjumlah RM9.2 bilion, di mana 67% disumbang oleh *Infrastructure Services*. perkhidmatan infrastuktur

Bagi Q3FY2023, keuntungan bersih meningkat sebanyak 18.9% kepada RM5.2 juta daripada RM4.4 juta pada Q3FY2022 manakala hasil meningkat sebanyak 11.6% kepada RM721.1 juta dipacu oleh pelaksanaan efektif dalam kontrak semasa oleh kedua-dua *Healthcare Support* di Singapura dan Taiwan, dan di *Property and Facility Solutions* (“PFS”) serta peningkatan kerja turapan yang dilakukan untuk lebuhraya oleh *Infrastructure Services*. Pada akhir 30 September 2023, penyata imbangan Syarikat menunjukkan aset bersih bernilai RM1.94 sesaham, tunai dan baki bank sebanyak RM650.3 juta dan nisbah gearan (*gearing ratio*) sebanyak 0.31 kali.

Di dalam sembilan (9) bulan pertama FY2023, UEM Edgenta memperoleh kontrak baharu berjumlah RM1.6 bilion, sekaligus mencapai sasaran tahun penuh FY2023 Syarikat dalam tempoh sembilan (9) bulan. Syarikat sedang mengekalkan pembaharuan kontrak yang kukuh dan juga mendapat kontrak baharu dalam pasaran sedia ada, iaitu Malaysia, Singapura, Taiwan, Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu. Pengintegrasian dengan anak syarikat baharu di Kerajaan Arab Saudi (“KSA”), MEEM For Facilities Management Company, berada di landasan yang baik bagi Edgenta mengejar peluang pertumbuhan di KSA.

Mengulas keputusan kewangan terkini, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Syahrunizam Samsudin berkata: "Dengan teknologi mengolah setiap aspek perniagaan kami, Edgenta terus memperuntukkan sumber dan melabur untuk pertumbuhan dalam bidang yang membolehkan kami membezakan diri dengan teguh dalam mengoptimumkan model penyampaian kami dan meningkatkan kecekapan operasi kami untuk pelanggan. , Dalam usaha untuk bergerak ke depan, kami kekal tangkas dan responsif, memanfaatkan keupayaan digital sesuai dengan dinamik pasaran yang berkembang dan secara konsisten menyampaikan nilai kepada pihak berkepentingan ."

Bahagian Sokongan Penjagaan Kesihatan (*Healthcare Support Division*) telah melaksanakan inisiatif mengoptimumkan sumber yang teliti melalui penggunaan teknologi terkini dan pengurusan pesanan kerja automatik untuk mengurangkan tekanan margin yang timbul daripada peningkatan persaingan pasaran dan daya inflasi. Bahagian ini juga telah memperluaskan tawaran perkhidmatannya melangkaui perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan tradisional untuk memenuhi pelanggan yang pelbagai dalam sektor pembuatan dan perhotelan, terutamanya di pasaran Singapura dan Taiwan.

Bahagian PFS juga telah berkembang dengan mengintegrasikan penyelesaian Bangunan Pintar (*Smart Building*) ke dalam ekosistem teknologi pelanggan melalui penggunaan Asseto, sistem pengurusan aset berasaskan penyimpanan dalam talian terkemuka Edgenta, dan keupayaan teknologi rakan kongsi dalam membolehkan pembuatan keputusan dipacu data. Fokus pada analisis data dan pemantauan masa nyata sejajar dengan prinsip ESG Syarikat sekaligus menyokong agenda kemampaman pelanggan. Di rantau Timur Tengah, operasi UAE juga telah meluaskan penawaran perkhidmatan dan menembusi pasaran Abu Dhabi dengan pemerolehan kontrak pertama dengan Kelab Equestrian Abu Dhabi.

Menekankan komitmen Syarikat terhadap sasaran kemampaman, Opus Consultants telah diubah untuk menjadi penyedia utama penyelesaian tenaga dan kemampaman bagi memanfaatkan peluang perniagaan hijau yang muncul dari Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional dan infrastruktur dan sektor penjagaan kesihatan yang lebih luas. Sejurus selepas Pelancaran Sifar Bersih (*Net Zero*) pada bulan September 2023, *Zero Capex Fund Programme* RM200 juta sedia dilaksanakan di Sarawak dan Semenanjung Malaysia oleh pakar pelaksanaan kecekapan tenaga dari Edgenta, dilengkapi dengan keupayaan rakan kongsi menyediakan penyelesaian tenaga dan kemampaman yang menyeluruh. Di acara pelancaran yang sama, Syarikat juga telah menetapkan matlamat untuk mengurangkan pelepasan GHG dari operasi sebanyak 26% menjelang 2030 dalam jangka sederhana dan untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050.

Sebagai tindak balas kepada landskap industri yang sentiasa berubah, kami mengiktiraf nilai dan peluang jangka panjang yang besar di dalam bidang pendigitalan IT serta penerokaan pasaran baharu.

**MEDIA RELEASE
FOR IMMEDIATE RELEASE
28 NOVEMBER 2023**



A member of **UEM Group**

Sebahagian daripada visi strategik, pelaburan yang besar telahpun dibuat di dalam bidang ini sepanjang tempoh fiskal semasa. Langkah-langkah proaktif ini penting untuk mengukuhkan kedudukan bagi pertumbuhan dan daya tahan yang mampan dalam menghadapi perubahan dinamik pasaran, memastikan organisasi kami kekal di barisan hadapan dalam inovasi dan berada pada kedudukan yang baik untuk kejayaan yang berterusan.

Dalam tinjauan prestasi untuk FY2023, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Syahrunizam Samsudin berkata: "Pasaran kekal mencabar dengan persekitaran kos tinggi yang didorong oleh peningkatan kos bahan dan tenaga kerja. Meskipun kami kekal berhati-hati untuk baki tahun ini, kami terus memacu kecekapan operasi dan mengoptimumkan struktur kos untuk menjadi organisasi "*fit-for-purpose*" untuk mendapat dan mengekalkan pelanggan di pasaran domestik dan antarabangsa. Melihat ke hadapan, untuk mengukuhkan kedudukan pasaran Syarikat, kami secara aktif mengejar pelaburan organik dan bukan organik untuk mempercepatkan pertumbuhan serta merebut peluang yang muncul tepat pada masa, memastikan kemampunan jangka panjang dan penciptaan nilai untuk pemegang kepentingan kami," tambah beliau.

Untuk maklumat lanjut tentang UEM Edgenta dan inisiatif berkaitan, sila layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.